

13 OCT 1999

Wanita-Kelantan

WANITA BN TUMPU TAWAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 13 Okt (Bernama) -- Pergerakan Wanita Barisan Nasional akan memberi tumpuan terhadap Kelantan menjelang pilihan raya umum akan datang bagi memastikan BN menang di negeri itu.

Pengerusinya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata beberapa strategi sedang diatur bagi memastikan wanita Kelantan yang terdiri daripada 51 peratus pengundi di negeri itu memberi sokongan padu kepada BN dan Umno.

"Kita berhasrat untuk menawan Kelantan dengan cara mendekati pengundi-pengundi wanita melalui beberapa pendekatan yang berbeza," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa jentera pilihan raya Wanita BN Kelantan di sini hari ini.

Menurutnya selain daripada kempen dari rumah ke rumah yang telah lama diamalkan, jentera Wanita BN dan Umno akan turut memberi penjelasan kepada kaum ibu mengenai perlunya BN dipilih menerajui kerajaan negeri Kelantan bagi memastikan perancangan pembangunan insan dan infrastruktur berjalan lancar.

"Kita yakin golongan wanita mudah menerima penjelasan kerana golongan itu terdiri daripada mereka yang paling banyak menerima kemudahan daripada kerajaan pusat seperti bantuan kebajikan, bantuan PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin), program pemakanan dan kesihatan," katanya.

Zaharah yang juga Ketua Wanita Umno berkata pergerakan itu akan menggunakan pendekatan yang berlainan mengikut kesesuaian sesuatu kawasan bagi meningkatkan pengaruh Umno selain menangani dakyah dan fitnah oleh pemimpin PAS.

"Harapan kita sekarang ialah wanita bijak menggunakan kuasa undi mereka selain semua jentera dan ahli wanita Umno serta BN bersatu padu," katanya.

Ditanya sama Wanita BN dan Wanita Umno akan meminta supaya bilangan calon wanita ditambah pada pilihan raya kali ini, Zaharah berkata perkara itu memang telah dinyatakan kepada pucuk pimpinan parti sebelum ini.

"Saya rasa PM (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pun tahu tentang itu...tetapi kita juga sporting menerima peringatan bahawa persoalan kemenangan parti ini penting," katanya.

Katanya pergerakan itu akan terus bekerja keras pada setiap masa sebagai sumbangan untuk menjamin kemenangan parti pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

RAR MAI